

Putrajaya: Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sedia maklum mengenai lambakan kerusi keselamatan kanak-kanak (CRS) dijual di pasaran termasuk melalui platform dalam talian selepas kerajaan mewajibkan penggunaannya 1 Januari lalu.

Sehubungan itu, JPJ bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kastam) untuk memastikan CRS dijual di negara ini mematuhi standard ditetapkan.

Mengulas lanjut, Ketua Pengarah JPJ Datuk Seri Shaharuddin Khalid berkata, bagi spesifikasi CRS pihak JPJ menggunakan pakai standard antarabangsa dengan mewartakan di bawah kaedah Pensijilan Peraturan United Nation Regulation (UN R44 dan UN R129).

"Kerusi CRS jika dalam konteks penguatkuasaan adalah yang sudah disahkan dalam konteks kualiiti dan juga jenis pembuatan oleh kualiti khas di bawah UN R44 dan R129.

"Apabila ingin memperkatakan mengenai peraturan ini, sebenarnya negara ini sudah menandatangani UN R itu. Dalam setiap kerusi itu ada label E iaitu penanda

Pantau CRS dijual secara dalam talian

aras kualiti yang kita terima. Dalam konteks Malaysia, perlu ada label E 52 di bahagian belakang kerusi.

"JPJ bersama KPDNHEP dan Kastam untuk pastikan label ini akan ada. Pada masa sekarang, ada CRS yang lain-lain di pasaran, tetapi kepada yang menggunakan pakai kerusi kanak-kanak bermula dari Januari kita wajibkan yang berlabel E. Itu standardnya," katanya dalam temu bual ekslusif bersama Harian Metro.

Beliau berkata, kerusi CRS yang mempunyai label dan penanda E itu itu adalah kompeten untuk digunakan di Malaysia.

Shaharuddin turut menjelaskan beberapa isu berbangkit berhubung pelaksanaan CRS antaranya disyaratkan kepada kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah, ketinggian 135 sentimeter ke bawah serta berat 36 kilogram.

"Sekiranya ada keperluan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP), maka pegawai

dan anggota JPJ perlu membawa pita pengukur dan alat penimbang ketika melaksanakan tugas penguatkuasaan.

"Itu syaratnya. Perkara ini kita bincang semula dengan Kementerian Pengangkutan (MOT). Jadi kalau syarat itu ditentukan maka penguatkuasaan nanti, kita akan ikut," katanya.

Katanya, walaupun pada asasnya JPJ diarahkan menjalankan penguatkuasaan terhadap pemakaian CRS, tetapi tindakan sekarang dalam tempoh enam bulan sehingga Jun ini agensi itu hanya menjalankan advokasi atau memberikan khidmat nasihat kepada pengguna jalan raya berkaitan CRS.

